

1103/1  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1  
Mei  
2014  
2 ¼ jam



**MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5**

**TAHUN 2014**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

---

---

**MODUL 1**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
  2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.**
  3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
- 

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.


[Lihat halaman sebelah

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan beberapa jenis permainan tradisional serta maklumat tentang usaha-usaha mempopularkannya. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Sepak Raga

Wau

Gasing

Menjadikan sebahagian daripada aktiviti  
kokurikulum

**USAHA-USAHA MEMPOPULARKAN PERMAINAN TRADISIONAL**

Promosi dan pertandingan di peringkat  
kebangsaan dan antarabangsa

Menyediakan kepakaran dan kemudahan  
permainan

## Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

1. Amalan berjimat cermat amat dituntut dalam kehidupan sehari-hari.  
Sebagai pelajar, bincangkan cara-cara anda mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan sehari-hari.
2. Belakangan ini, masyarakat sering digemparkan oleh berita yang melibatkan kehilangan, penculikan, dan pembunuhan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, keluarga perlu memainkan peranan dalam memastikan keselamatan anak-anak terjamin.

Huraikan peranan ahli keluarga dalam menjamin keselamatan anak-anak.

3. Buah-buahan tempatan terbukti mengandungi pelbagai khasiat, selain mempunyai rasa yang enak. Sehubungan dengan itu, usaha memajukan industri buah-buahan tempatan seharusnya dilakukan.

Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memajukan industri buah-buahan tempatan di negara ini.

4. Program pertukaran pelajar antara negara mendatangkan pelbagai faedah kepada pelajar dan negara yang menyertainya.

Bincangkan.

5. Anda berhasrat untuk menyertai pertandingan penulisan cerpen yang dianjurkan oleh sekolah anda. Tema cerpen yang anda pilih ialah perpaduan kaum.

Tulisan cerpen anda itu selengkapnya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Mei

2014

2 ½ jam



## MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5

TAHUN 2014

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

---

### MODUL 1

BAHASA MELAYU

### KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi **Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4** berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan daripada guru yang bertugas.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

### Soalan 1 : Rumusan

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian tulis satu rumusan tentang langkah-langkah kerajaan meringankan beban rakyat dalam menghadapi kegawatan ekonomi dan kesan-kesan peningkatan ekonomi kepada rakyat. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Usaha *membasmi kemiskinan tegar* menjadi agenda utama kerajaan semenjak tahun 2010. Bagi meringankan beban rakyat, usaha diambil dengan memperuntukkan RM214 juta bagi pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk tujuan pembasmian kemiskinan. Langkah ini juga akan memastikan agenda masyarakat penyayang terus diamalkan walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Kerajaan dalam usaha meringankan beban rakyat telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi pertama khusus untuk meningkatkan pemilikan rumah oleh rakyat. Oleh itu, bagi merangsang sektor perumahan kerajaan mencadangkan supaya pembeli diberi pelepasan cukai atas faedah pinjaman. Kerajaan juga telah membantu rakyat dengan menambah baik infrastruktur awam. Dalam hal ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk menambah baik infrastruktur yang rosak serta menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian, menyelenggara dan membaik pulih pelbagai kemudahan dan prasarana awam. Bon Simpanan Kerajaan telah diterbitkan untuk menjana pendapatan rakyat. Bon ini bertujuan memberi peluang kepada rakyat untuk memperoleh pendapatan tambahan. Bon ini dibuka kepada setiap rakyat berusia 21 tahun ke atas dengan nilai minimum pelaburan sebanyak RM1,000.

Selain itu, kerajaan menaik taraf pelbagai kemudahan asas di luar bandar seperti bekalan elektrik dan air terutama di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan meningkatkan ekonomi rakyat melalui pengambilan kontraktor kecil dan pekerja tempatan di kawasan luar bandar. Di samping itu, pelbagai program dan projek dirancang oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi rakyat di Sabah dan Sarawak seperti pembesaran Lapangan Terbang Sibu, Sarawak dan Projek Sistem Penghantaran Elektrik Kota Kinabalu, Sabah.

Kini, terdapat beberapa program mikrokredit tanpa cagaran disediakan oleh pelbagai pihak seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Agro Bank dan TEKUN. Program ini bertujuan untuk membantu peniaga kecil di bandar dan luar bandar. Kaedah lain yang dilaksanakan adalah dengan memberi bantuan kepada golongan kurang bernasib baik seperti warga emas, golongan kurang upaya dan ibu tunggal. Bantuan yang diberikan adalah seperti program jaringan keselamatan sosial, bantuan kewangan dan bilangan tenaga kerja, meningkatkan kemudahan pusat penjagaan warga tua, memantapkan pengurusan rumah perlindungan wanita dan menambahkan kemudahan pusat asuhan kanak-kanak.

Bagi mengurangkan tanggungan orang ramai, kerajaan mengambil langkah memberikan pengecualian cukai atas bayaran pampasan kehilangan pekerjaan. Langkah ini diambil bertujuan untuk menjaga kebijakan pekerja yang diberhentikan. Di samping itu, kerajaan menggalakkan pihak bank untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman perumahan.

Kesimpulannya, kerajaan yakin usaha yang dirangka dan dilaksanakan adalah komprehensif dan menyeluruh untuk menghindarkan ekonomi negara daripada terjerumus dalam kancah kemelesetan yang mendalam sehingga memberi kesan kepada rakyat. Dengan landasan kukuh yang telah kita bina, kita yakin dapat mencipta kejayaan lebih besar.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana 'Pakej RM60b Perkuat Ekonomi Negara Hadapi Kegawatan Global',  
*Berita Harian*, 11 Mac 2009)

### **Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

- (i) Apakah maksud rangkai kata *membasmi kemiskinan tegar?* [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah peruntukan tambahan yang disediakan oleh kerajaan dibelanjakan? [3 markah]
- (iii) Nyatakan cara-cara rakyat dapat menangani krisis ekonomi negara. [4 markah]

**Soalan 2 (b) Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Beberapa malam berikutnya ayahku tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Hussain. Dia mesti dijaga. Dia yang bertanggungjawab dalam usaha menyelamatkan kami. Aku dapat bayangkan apa yang akan berlaku ke atas kami sekaliannya yang di pangkalan kalau tentera-tentera Jepun itu sempat turun. Bukanakah keberanian dan sikap Pak Hussain membohongi tentera Jepun itu telah menyelamatkan kami? Alangkah besar jasanya. Alangkah!

Kisah Pak Hussain dipaksa supaya menguburkan mayat sehari suntuk telah berkembang dari mulut ke mulut. Kisah itu mengapung terus dari Kampung Dal ke kampung-kampung yang lain. Berkembang di Tebing Tinggi, di Dasar, di Kemumin, di Pancur, di Pulau Tukang Dolah dan di Teluk Kitang. Cerita itu tidak dirasakan baktinya selain kami penghuni asli kampung Pak Amat.

Pak Hussain telah menyelamatkan kami!

Kisah Pak Hussain tidak berakhir di situ sahaja. Ketika Jepun menyerah pada tahun empat puluh lima, waktu itu rompakan menjadi-jadi. Rompakan berlaku di Tuk Lukup. Berlaku di Sabak. Berlaku di Pengkalan Datu. Awan ketakutan berkembang hitam di tiap-tiap buah kampung yang agak terpencil. Ketika pendaratan perompak di Kampung Pak Amat, Pak Hussain telah membedil kawanan perompak yang masih di dalam perahu. Senapangnya yang diambil daripada seorang askar Punjabi yang telah mati( waktu dia menguburkan mayat-mayat mereka pada permulaan perang ), telah dipergunakan buat pertama kali. Bedilannya itu telah menyelamatkan rumah Pak Ngah Isa. Menyelamatkan semua orang kampung. (Akhirnya Pak Hussain menyerahkan senapang itu kepada kerajaan apabila semuanya normal).

(Dipetik daripada cerpen "Pahlawan Buntung",  
oleh S.Othman Kelantan,  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010)

- (i) Nyatakan jasa Pak Hussain kepada penduduk Kampung Pak Amat?  
[ 2 markah ]
- (ii) Berdasarkan pendapat anda, apakah cara untuk mengenang jasa tokoh yang berjuang semasa zaman perang?  
[ 3 markah ]
- (iii) Huraikan satu latar masyarakat dalam petikan di atas dan satu latar masyarakat lain daripada cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.  
[ 4 markah ]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah seketika berperang maka rakyat Raja Bahrum Dewa pun pecahlah perangnya, banyak tertangkap. Ada yang lari masuk ke dalam kota kerana tiada tertahan lagi tangkap jin empat orang itu. Maka titah Raja Bahrum Dewa, "Sudahkah engkau tangkap? Apa mati laki-laki itu?" Maka sembah segala hulubalang yang lari itu. "Ya tuanku, tiadalah mati laki-laki itu. Maka hulubalang tuanku dua ratus yang lari, dua puluh hulubalang yang tertangkap orang itu. Patik hairan melihat hal laki-laki itu. Maka patik dengar suaranya seorang juga maka segala rakyat beribu-ribu sekalian itu pun dilawannya juga."

Setelah baginda mendengar sembah segala hulubalang itu maka Raja Bahrum Dewa pun marah *menyuruh memalu* gendang mengumpulkan segala rakyat sekalian. Setelah sudah berkampung segala rakyat dan menteri hulubalang sekalian, maka titah Raja Bahrum Dewa, "Segeralah pergi tangkapkan beta laki-laki itu." Maka raja-raja dan menteri hulubalang pun berjalanlah keluar kota pergi mengepung Raja Indera Bumaya itu.

Setelah datang ke mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi maka segala isi mahligai itu pun gemparlah. Sekaliannya datang memeluk kaki tuan puteri dan Raja Indera Bumaya seraya menangis katanya, "Wahai tuanku, apalah jadi kita ini kerana orang mengepung banyak pula datang!"

(Dipetik daripada 'Hikayat Langlang Buana'  
dalaman antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *menyuruh memalu*? [2 markah]
- (ii) Apakah yang terjadi kepada hulubalang-hulubalang Raja Bahrum Dewa dalam peperangan itu ? [3 markah]
- (iii) Jika anda Raja Indera Bumaya, apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk mengelakkan peperangan daripada terus berlaku? [3 markah]

**Soalan 2 (d) - Petikan Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**HARGA REMAJA**

Berapakah sebenarnya harga remaja  
yang bersih  
dari gelodak kecewa  
bagai kehijauan daun  
bagai kesegaran pohon  
di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kaupenuhi  
piala remajamu  
adakah cuka kesangsian  
dari cinta murah  
atau madu ajaran  
dari ilmu susah?

Remaja amat mahal  
sesungguhnya  
tiada terbeli oleh perjanjian  
harga remaja adalah  
pendirian  
keberanian dan ilmu

Penuhilah remajamu  
dengan ketentuan tuju.

**Rahman Shaari**

(Antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan sajak, apakah ciri-ciri seorang remaja yang berharga? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang perlu anda lakukan agar dapat mencapai cita-cita anda? [3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga mesej yang diperoleh daripada sajak tersebut? [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) kata
- (ii) katakan
- (iii) perkataan
- (iv) mengatakan
- (v) dikatakan
- (vi) berkata-kata

[6 markah]

- (b) Tukarkan **perbualan** di bawah kepada bentuk **cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

“Sedapnya kari ikan bawal yang kamu masak, Amirah,” puji Lucy.  
 “Terima kasih. Tambalah nasi lagi,” pelawa Amirah kepada Lucy dan Sheila.  
 “Amirah, kenapa Laila dan Devi tak datang?” tanya Sheila.  
 “Oh... Laila kena ikut keluarganya balik kampung.”  
 “Devi pula kurang sihat,” jelas Lucy pula.  
 “Emm... kalau mereka ada bersama, tentu lebih berselera kita makan,” kata Sheila dengan nada berseloroh.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kementerian Pendidikan memang menyedarkan masaalah ini dan tindakan akan segera diambil untuk mengatasinya.
- (ii) Ketua Pengawas Peperiksaan hanya memberar pensil dan pemadam dibawa masuk ke dewan peperiksaan.
- (iii) Perkembangan kesusastraan Melayu kini agak suram kerana golongan muda kurang meminati untuk membaca bahan bacaan kreatif.

**[6 markah]**

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pohon di kiri dan kanan jalan itu telah ditebas untuk membolehkan kerja-kerja memperlebar jalan dilakukan dengan sempurna.
- (ii) Oleh kerana sungai merupakan satu-satunya jalan perhubungan pada zaman dahulu, banyak rumah ditubuhkan di sepanjang sungai.
- (iii) Seorang banduan dapat meluluskan diri daripada penjara walaupun dia mengalami kecederaan pada badan dan kaki.

**[6 markah]**

- (e) *Berikan maksud peribahasa berikut.*

- (i) Bagai cincin dengan permata
- (ii) Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.
- (iii) Akal kancil.

**[6 markah]**

**Soalan 4 : Novel****[15 markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan **novel-novel** yang berikut:*

- (i) Papa...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof.
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah.
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood.
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain.
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir.
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah.
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd.Talib Hassan.

- (a) Jelaskan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari. **[ 7 markah ]**
- (b) Teknik kejutan merupakan salah satu teknik yang boleh menarik perhatian pembaca. Huraikan teknik kejutan yang terdapat dalam **kedua-dua** buah novel yang anda pelajari. **[ 8 markah ]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**CADANGAN SKEMA JAWAPAN****KERTAS 1/SET 1****BAHAGIAN B****Soalan 1****Dimensi** : Diri**Format** : Tiada**Skop** : Unit 2 – Ambang Remaja/ Remaja dan Cabaran (Tingkatan 4)**Aras** : Rendah**Tugasan Soalan**

Pelajar dapat menghuraikan cara-cara dia ( ada kata ganti nama saya/kita dalam ayat topik) mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan seharian. Jika tidak ada kata ganti nama , tidak layak diperingkat cemerlang.

**Cadangan idea**

1. membeli barang yang perlu sahaja – kitar semula
2. membawa bekalan ke sekolah
3. membantu keluarga berjimat cermat- membantu keluarga menanam sayur-sayuran di sekeliling rumah
4. mengelakkan pembaziran – menggunakan barang dengan cermat dan membeli mengikut keperluan
5. menabung wang untuk digunakan semasa diperlukan
6. mangamalkan makan di rumah
7. menggunakan air dan elektrik dengan cermat

**Soalan 2****Dimensi** : Keluarga**Format** : Tiada**Skop** : Ambang Remaja / Remaja dan Keluarga (Tingkatan 4)**Aras** : Sederhana**Tugasan Soalan**

Diharapkan calon dapat menghuraikan peranan ahli keluarga dalam menjamin keselamatan anak-anak.

**Cadangan idea**

1. Sentiasa bersama anak-anak ketika mereka beriadah/berekreasi (taman permainan, padang dan sebagainya)
2. Memberi didikan kepada anak-anak tentang keselamatan diri
3. Melengkapkan anak-anak dengan ilmu /seni mempertahan diri (silat, taekwando dan lain-lain)
4. Memberi sepenuh perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak supaya mereka berasa disayangi, dihargai dan selamat- tidak mengabaikan anak-anak
5. Tidak lalai dalam menjaga keselamatan anak-anak
6. Melaporkan kepada pihak berkuasa jika didapati ada perkara yang mencurigakan
7. Memantau pergerakan/aktiviti anak-anak sama ada bersama rakan, di sekolah , beraktiviti di luar dan sebagainya

**Kemungkinan****Kategori Keluarga : ibu,bapa, adik-beradik,datuk,nenek, bapa/ibu saudara**

Jika calon menghuraikan peranan pihak lain selain ahli keluarga - **Baik Bawah** (ambil kira penggunaan bahasa)

**Soalan 3.****Dimensi : Masyarakat dan Negara****Format : Tiada****Skop : Biolembangan / Perkembangan Pertanian (Tingkatan 5)****Aras : Tinggi****Cadangan idea**

1. Mengusahakan penanaman buah-buahan tempatan secara komersial
2. Menjalankan penyelidikan tentang kesesuaian tanah dengan jenis tanaman (MARDI)
3. Menyediakan kemudahan pinjaman wang, jentera, benih dan khidmat nasihat kepada sesiapa yang ingin mengusahakan tanaman buah-buahan tempatan.
4. Mempelbagaikan hasil buah-buahan tempatan dan memperluas pasarannya.
5. Meningkatkan keberkesanan kempen tentang buah-buahan tempatan.
6. Mempromosikan buah-buahan tempatan di dalam dan luar negara.

**Soalan 4****Dimensi : Antarabangsa****Format : Tiada****Skop : Pendidikan Alaf Ini / Kepentingan Ilmu dalam Era Globalisasi (Tingkatan 5)****Aras : Tinggi****Cadangan idea**

1. Dapat memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan peserta - persahabatan dan saling memahami yang merentas sempadan geografi, politik, sosial, kebudayaan dan agama.
2. Memperoleh pelbagai pendedahan tentang negara pengajur – mempelajari cara hidup masyarakat / mengambil contoh yang baik daripada masyarakat di negara yang dilawati.
3. Mempererat hubungan diplomatik dan kerjasama dalam kalangan pemerintah – rakyat / pelajar menjadi duta kecil untuk merintis hubungan yang lebih akrab.
4. Mendidik semangat toleransi – program kerjasama pelajaran, kebudayaan dan aktiviti sosial yang merintis kepada semangat saling menghormati (Program Antara Budaya anjuran AFS Internasional)
5. Mewujudkan rangkaian kejiraninan global – hubungan kemanusiaan yang lebih luas dan menyeluruh – belajar menghormati hak dan kepentingan setiap warga dunia – mewujudkan keamanan dunia yang lebih universal.

**Soalan 5**

**Dimensi** : Komsas

**Format** : Cerpen ( bagi pertandingan )

**Aras** : Tinggi

Tolak markah jika tiada

a) Tajuk cerpen ( 1 markah )

b) Penulis cerpen ( 1markah )

- Calon diharapkan dapat menulis cerpen yang bertemakan perpaduan kaum
- Kemungkinan : Cerita tentang perpaduan kaum ada tetapi tidak menonjol/jelas dalam keseluruhan cerpen, diterima : Maksimum Peringkat Kepujian

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU SPM  
KERTAS 1**

**1. TUJUAN PENGUJIAN**

- Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;
- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
  - 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
  - 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
  - 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

**2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan****[30 markah]****KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>26 – 30</b>  atas (28 – 30)  (26 – 27) bawah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li><li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li><li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li><li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li></ul>
<b>Kepujian</b>	<b>20 – 25</b>  atas (23 – 25)  (20 – 22) bawah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li><li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li><li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li><li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li></ul>

- **Ungkapan Menarik** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Memuaskan</b>	<b>15 – 19</b> atas (17 – 19)  (15 – 16) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang Memuaskan</b>	<b>10 – 14</b> atas (12 – 14)  (10 – 11) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>Idea <b>kurang relevan</b> dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b>kurang jelas</b>.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimun</b>	<b>01 – 09</b> atas (06 – 09)  (01 – 05) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li><b>Banyak</b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka****[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

(   )	= Kesalahan isi
_____	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
	= Kesalahan tanda baca

**KRITERIA**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>1. BAHASA (Mekanis)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan           <ul style="list-style-type: none"> <li>- kata (morfologi)</li> <li>- ayat (sintaksis)</li> </ul> </li> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>
<b>2. LARAS (Dinamis)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>
<b>3. IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li> <li>• Kerelevan</li> </ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerengganan</li> <li>• Format</li> </ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>

**KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
<b>CEMERLANG</b>	<b>80 – 100</b> (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang luas dan tepat.</li> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis.</li> <li><b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul</li> <li>Laras bahasa sesuai dengan tugasan</li> <li>Penggunaan <b><u>kosa kata</u></b> luas dan tepat</li> <li><b><u>Idea relevan</u></b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li><b><u>Pengolahan</u></b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li><b><u>Wacana</u></b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>Penggunaan <b><u>unsur bahasa bervariasi</u></b></li> <li><b><u>Gaya bahasa</u></b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b>	<b>66 – 79</b> (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang tepat.</li> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b></li> <li><b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul</li> <li><b><u>Laras bahasa</u></b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>Penggunaan <b><u>kosa kata</u></b> luas dan tepat</li> <li><b><u>Idea relevan</u></b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.</li> <li><b><u>Pengolahan</u></b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li><b><u>Wacana</u></b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>Penggunaan <b><u>unsur bahasa masih</u></b> bervariasi.</li> <li><b><u>Gaya bahasa masih</u></b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

- ***Ungkapan Menarik*** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	<p style="text-align: center;"><b>51 - 65</b>            (58 – 65)            (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> sesuai.</li> <li>Penggunaan <b><u>ayat majmuk</u></b> gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li><b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li><b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>masih jelas</b> dan contoh <b>masih sesuai</b>.</li> <li><b>Pengolahan masih</b> menarik, dan pemerengganan <b>masih</b> sesuai.</li> <li><b>Wacana masih</b> lengkap</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li><b>Gaya bahasa kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul>
MEMUASKAN	<p style="text-align: center;"><b>36 – 50</b>            (43 – 50)            (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> terhad.</li> <li>Ayat <b><u>kurang</u></b> gramatis.</li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi <b>terdapat kesalahan yang minimum</b>.</li> <li><b>Laras bahasa</b> kurang sesuai.</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li><b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>kurang jelas</b> dan contoh <b>kurang sesuai</b>.</li> <li><b>Pengolahan kurang</b> menarik, pemerengganan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li><b>Wacana masih / kurang</b> lengkap</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa kurang</b> bervariasi.</li> <li><b>Gaya bahasa kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kata kurang tepat</b>.</li> <li>• Ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi masih difahami.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</b> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</b> tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

**Cara menulis**

Keseluruhan	-	Peringkat markah	Contoh	K	-	75
- Ejaan	-	Mak 3 markah		- E	-	03
- Format	-	Mak 2 markah		- F	-	02
						<hr/>
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>Markah bersih</b>		<b>J</b>	<b>-</b>	<b>70</b>

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi - **20** markah
- (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/ Kesimpulan										<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>									<b>20</b>

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda bacaan/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota**

- Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

**Pendahuluan**

Petikan membincangkan usaha-usaha/kaedah/tindakan/inisiatif/strategi kerajaan meringankan beban rakyat dalam menghadapi kegawatan ekonomi di negara ini. (2)

Petikan membincangkan usaha kerajaan meringankan beban rakyat . (1)

**Isi Tersurat**

Langkah-langkah kerajaan meringankan beban rakyat:	2
1. Kerajaan melaksanakan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.	2
2. Kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi pertama (khusus untuk meningkatkan pemilikan rumah oleh rakyat).	2
3. Pembeli diberi pelepasan cukai atas faedah pinjaman.	2
4. Kerajaan menambah baik infrastruktur awam.	2
5. Kerajaan telah menerbitkan Bon Simpanan Kerajaan untuk menjana pendapatan rakyat.	2
6. Kerajaan menaik taraf pelbagai kemudahan asas di luar bandar.	2
7. Pelbagai program dan projek dirancang oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi rakyat di Sabah dan Sarawak.	2
8. Pelbagai pihak menyediakan program mikrokredit tanpa cagaran.	2
9. Kerajaan memberi bantuan kepada golongan kurang bernasib baik.	2
10.Kerajaan mengecualikan cukai atas bayaran pampasan kehilangan pekerjaan.	2
11.Kerajaan menggalakkan pihak bank untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman perumahan.	2

**Isi Tersirat**

Kesan-kesan peningkatan ekonomi kepada rakyat

- |  |   |
|--|---|
| 1. Kehidupan rakyat akan lebih selesa/ Rakyat berpeluang membaiki ekonomi masing-masing/ekonomi rakyat stabil. | 2 |
| 2. Peluang pekerjaan terbuka luas untuk rakyat/ Pengangguran dapat dikurangkan.                                | 2 |
| 3. Rakyat tidak lagi meminjam wang secara haram/melabur skim cepat kaya.                                       | 2 |
| 4. Rakyat tidak mengalami tekanan/stres,   | 2 |
| 5. Rakyat tidak melakukan / mengadakan demonstrasi terhadap kenaikan harga barang.                             | 2 |
| 6. Kuasa beli rakyat terjamin/mampu berbelanja .   | 2 |
| 7. Rakyat terhalang daripada melakukan jenayah.  | 2 |

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama menangani kemelut ekonomi negara agar rakyat dapat hidup dalam harmoni. (2 markah)

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bersama-sama mengatasi masalah ekonomi negara.

(1 markah)

### Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah
- Soalan 2(b) : **9** markah
- Soalan 2(c) : **8** markah
- Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak betul/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum.**

(i) Maksud rangkai kata membasmi kemiskinan tegar

- menghapuskan/membanteras/memerangi/mengatasikedaifan/kepapaan/kemelaratan hidup/sukar diatasi/diubah. 2
- menghapuskan kemiskinan tegar 1
- menghapuskan kedaifan 1

**[Maksimum 2m]**

(ii) Dua peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dibelanjakan dengan. (Isi cukup : 2 )

- menambah baik infrastruktur yang rosak
- menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian
- menyelenggara dan membaik pulih pelbagai kemudahan/prasarana awam

**[Maksimum 3m]**

(iii) Cara- cara rakyat dapat menangani krisis ekonomi negara. (Isi cukup : 3)

- berjimat cermat dalam perbelanjaan/menabung
- memberi sokongan kepada keweenan penjimatan ekonomi
- bekerja sambilan/berniaga
- bercucuk tanam/melibatkan diri dalam bidang pertanian

- melancang dalam negara
- membeli barang buatan tempatan/membeli semasa jualan murah
- menggunakan pengangkutan awam/berkongsi kereta

**[Maksimum 4m]****Soalan 2 (b) – Petikan cerpen.**

(i) Jasa : ( Isi cukup : 2 jasa )

- membohongi tentera Jepun untuk menyelamatkan penduduk kampung 1
- mengebumikan mayat penduduk kampung yang terkorban dalam serangan Jepun 1
- membedil sekumpulan perompak yang mahu mendarat di kampung tersebut 1

**[Maksimum 2m]**

(ii) Cara: (isi cukup : 2 cara)

- meraikan sambutan Hari Pahlawan
- memberikan bantuan kepada tokoh yang hidup susah atau cedera
- menayangkan filem atau drama tentang perjuangan tokoh
- menamakan kampung/jalan dengan nama tokoh-tokoh tersebut
- mewujudkan galeri tokoh-tokoh pejuang di bandar-bandar besar
- menganugerahkan gelaran

**[Maksimum 3m]**

\*terima isi lain yang sesuai

(iii) Satu latar masyarakat dalam petikan:

Masyarakat yang bertanggungjawab.

- Pak Hussain bertanggungjawab mengetuai penduduk kampung berpindah ketika Jepun menyerang Kampung Pulau Pak Amat. 1 + 1

Masyarakat yang berani.

- Pak Hussain berani menipu tentera Jepun bahawa semua penduduk kampung telah berpindah /membedil sekumpulan perompak yang mahu mendarat di kampung tersebut 1 + 1

Masyarakat yang setiakawan dalam memberi pertolongan

- Ayah Khalid yang tidak tidur beberapa malam kerana menjaga Pak Hussain. 1 + 1

**[Maksimum 2m]**

**Satu latar masyarakat daripada keseluruhan cerpen:**

Masyarakat kampung

- Masyarakat kampung di Kampung Pulau Pak Amat. 1 + 1

Masyarakat nelayan

- Penduduk Kampung Pulau Pak Amat menjadi nelayan setelah berpindah ke Kampung Dal. 1 + 1

Masyarakat yang hormat menghormati sesama jiran tetangga

- Khalid yang sangat menghormati Pak Hussain jirannya, menegur Pak Hussain di majlis sambutan kemerdekaan walaupun Pak Hussain tidak mengenalinya. 1 + 1

Masyarakat yang cinta akan negara/patriotik

- Pak Hussain yang berjuang menyelamatkan penduduk kampung daripada serangan tentera Jepun. 1 + 1

**[Maksimum 2m]**

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik.**(i) **Maksud menyuruh memalu:**

- memerintah memukul 2
- mengarahkan memukul 2
- memerintahkan 1
- memerintahkan mengetuk 0

**[ Maksimum 2m]**

## (ii) Hulubalang-hulubalang Raja Bahrum Dewa dalam perperangan itu:

(isi cukup : 2 kejadian)

- telah berpecah / kalah
- lari masuk ke dalam kota
- dua ratus yang lari
- dua puluh hulubalang yang tertangkap

**[Maksimum 3m]**

## (iii) Tindakan-tindakan (isi cukup : 2 tindakan)

- Meminta Raja Bahrum Dewa menyerah kalah.
- Mengambil langkah untuk berdamai/berbincang dengan cara baik
- Melantik orang tengah menyelesaikan perbalahan antara mereka
- Raja Indera Bumaya menyerah kalah

**[Maksimum 3m]****Soalan 2 (d) – Sajak**

## (i) Ciri-ciri remaja yang berharga ( Isi cukup : 2 ciri-ciri)

- Tidak mudah kecewa 1
- Mempunyai pendirian 1
- Mempunyai keberanian 1
- Mempunyai ilmu 1

**[Maksimum 2m]**

## (ii) Cara-cara remaja mencapai cita-cita (Isi cukup : 2 cara)

- Belajar bersungguh-sungguh/rajin mengulang kaji/rajin membaca
- Mempunyai keyakinan diri
- Rajin bertanya/merujuk pakar
- Belajar berkumpulan
- Menghadiri kursus-kursus motivasi
- Tidak melakukan gejala sosial

**[Maksimum 3m]**

(iii) Pengajaran daripada sajak (Isi cukup 3 mesej)

- Kita hendaklah menjadi remaja yang mempunyai pendirian
- Kita hendaklah menjadi remaja yang rajin menuntut ilmu
- Kita hendaklah menjadi remaja yang mempunyai hala tuju.
- Kita perlu bijak mengisi masa remaja dengan perkara yang berfaedah.
- Janganlah kita mudah kecawa apabila gagal dalam sesuatu perkara.

[Maksimum 4m]

### Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada

- Soalan 3(a) : **6** markah
- Soalan 3(b) : **6** markah
- Soalan 3(c) : **6** markah
- Soalan 3(d) : **6** markah
- Soalan 3(e) : **6** markah

#### Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak 1/2 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Jika tidak jelas, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah

#### Jawapan 3(a)

- (i) kata
  - sesuatu yang diucapkan (dituturkan), cakap, ujar.
- (ii) katakan
  - memisalkan, mengandaikan
  - kiranya boleh dianggapkan (dimisalkan)

- (iii) perkataan - bunyi atau gabungan bunyi dalam sesuatu bahasa yang disebutkan atau dituliskan dsb dengan menggunakan huruf-huruf untuk menyampaikan sesuatu maksud, kata.
- (iv) mengatakan - mengeluarkan kata-kata (bahawa) mengucapkan, menyebutkan, menuturkan.
  - menceritakan, mengisahkan, memberitahu, menyampaikan.
- (v) dikatakan - dimisalkan, diandaikan.
- (vi) berkata-kata - bercakap-cakap, berbicara.

**[Maksimum 6m]**

- 3(b) - Lucy memuji Amirah dengan mengatakan kari ikan bawal yang dimasaknya sedap.
- Amirah mengucapkan terima kasih atas pujian Lucy itu dan menyuruhnya menambah nasi lagi.
  - Sheila pula bertanyakan Amirah untuk mengetahui sebab Laila dan Devi tidak datang pada hari itu.
  - Amirah menjelaskan bahawa Laila perlu mengikut keluarganya balik kampung.
  - Lucy turut memaklumkan bahawa Devi tidak datang kerana dia kurang sihat.
  - Dengan nada berseloroh, Sheila mengatakan, kalau Laila dan Devi ada bersama tentu mereka makan dengan lebih berselera.

\*Jawapan dalam perenggan

**[Maksimum 6m]**

- 3(c)
- i. menyedarkan – menyedari  
masaalah – masalah
  - ii. membenar – membenarkan  
pensil – pensel
  - iii. Kesusastraan – kesusasteraan  
meminati -- berminat

**[Maksimum 6m]**

- 3(d) i. dan kanan – dan di kanan  
ditebas – ditebang
- ii. kerana – sebab  
ditubuhkan – dibina
- iii. daripada – dari  
meluluskan – meloskan

**[Maksimum 6m]**

- 3(e) i. Pasangan yang sama padan
- ii. Keadaan yang setara
- iii. Orang yang bijak berfikir

**[Maksimum 6m]**

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.  
iii) Beri 2 markah untuk 1 isi – latar masyarakat (Penyataan isi : 1m, Huraian : 1 m)  
iv) Markah bagi 2 isi - maksimum 4 markah.  
v) Markah bahasa maksimum 3 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi.  
vi) Markah bahasa diberi seperti berikut:

Baik : 3 markah  
Sederhana : 2 markah  
Lemah : 1 markah

- vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.  
viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum: 7 markah]**

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.  
iii) Jawapan mesti meliputi sekurang-kurangnya satu peristiwa teknik kejutan bagi setiap novel.  
iv) Aspek Pemarkahan: Berikan 1 markah untuk 1 penyataan peristiwa teknik kejutan bagi setiap novel.  
- Berikan 2 markah untuk contoh / huraian yang lengkap / jelas  
- Berikan 1 markah untuk contoh / huraian yang tidak lengkap / jelas  
- Maksimum markah setiap isi = 3 markah  
v) Huraian tanpa menyatakan peristiwa teknik kejutan dalam novel, 0 markah  
vi) Markah isi maksimum, 6 markah  
vii) Markah bahasa maksimum, 2 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi  
viii) Markah bahasa diberi seperti berikut:

Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah

- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.  
x) Calon tidak menjawab, 0 markah

**[Maksimum: 8 markah]**

**4a. Latar masyarakat****Azfa Hanani**

<b>Masyarakat yang sanggup berkorban</b>	<b>1m</b>
- Azfa Hanani sanggup berkorban dengan menerima tawaran menyamar sebagai Tengku Murni demi membantu Pak Longnya membiayai rawatan Zuraini.	1m
<b>Masyarakat yang menepati janji.</b>	<b>1m</b>
-Contohnya Tengku Mazran berusaha sedaya upaya membantu sepupu Azfa Hanani mendapatkan rawatan bagi menyembuhkan penyakit lumpuhnya dengan menghantar Zuraini ke Indonesia.	1m
<b>Masyarakat pelajar yang gigih menuntut ilmu.</b>	<b>1m</b>
-Contohnya, Azfa Hanani gigih menuntut ilmu kerana sanggup berulang-alik ke sekolah sejauh 30 km.	1m
<b>Masyarakat elit yang bongkak dan sompong kerana statusnya.</b>	<b>1m</b>
-Contohnya Datuk Tengku Makmur yang memandang hina terhadap Azfa Hanani kerana berasal dari kampung dan miskin.	1m
<b>Masyarakat yang sanggup menyamar untuk menyelamatkan seseorang daripada menghadapi tekanan jiwa.</b>	<b>1m</b>
-Contohnya, Azfa Hanani sanggup menyamar menjadi Tengku Murni supaya Datin Maziah kembali pulih daripada tekanan perasaan akibat kematian anak perempuan tunggalnya.	1m

**Kembara Amira**

<b>Masyarakat yang pelbagai bangsa.</b>	<b>1m</b>
-Amira, Pak Lias, Profesor Zaidah dan Dr.Zawawi mewakili masyarakat Melayu. Manakala Itai, Tau, Ludin dan Sabi mewakili masyarakat orang Asli Semai. Jennifer, O'Hara, Johnny, Ridley dan Brenda mewakili masyarakat Inggeris. Manakala Jacinta mewakili masyarakat berbangsa Cina.	1m
<b>Masyarakat yang mementingkan diri dan mengutamakan kekayaan.</b>	<b>1m</b>
-John O'Hara ingin membuktikan bahawa kawasan hutan tersebut banyak mempunyai emas. Dia akan memperoleh keuntungan apabila berjaya menarik pelabur untuk melabur dalam aktiviti perlombongan emas di kawasan hutan itu.	1m

<b>Masyarakat yang cinta akan alam sekitar.</b>	<b>1m</b>
-Tau, Ludin dan Itai mewakili masyarakat orang Asli yang sangat cinta akan hutan kerana hutan merupakan warisan peninggalan nenek moyang yang begitu berharga dan menjadi punca rezeki mereka.	1m
<b>Masyarakat yang penyayang.</b>	<b>1m</b>
-Profesor Zaidah sangat sayang akan anaknya Amira. Beliau berasa cemas apabila Amira hilang dari tapak kerja semasa cuba mencari Malique.	1m
<b>Masyarakat yang saling membantu</b>	<b>1m</b>
-Itai, Ludin dan Tau membantu kumpulan Profesor Zaidah mencari gali bahan artifak.	1m
<b>Masyarakat yang mencintai ilmu.</b>	<b>1m</b>
-Ludin mendengar penerangan Profesor Zaidah tentang bidang arkeologi dengan bersungguh-sungguh sehingga dia membenarkan kawasannya dijadikan tempat kajian.	
	1m

\*Terima isi lain yang sesuai.

#### **4b. Teknik Kejutan**

##### **Kembara Amira**

<b>Tau sebenarnya ialah makhluk berbulu.</b>	<b>1m</b>
-Semasa berlaku pertarungan antara Pak Lias dan makhluk berbulu di puncak Gunung Gua Gajah telah terbongkar rahsia sebenarnya Tau ialah makhluk berbulu yang misteri itu. Pembaca tidak menduga bahawa Tau sebenarnya ialah makhluk berbulu.	2m
<b>Malique dan Itai merupakan anak kepada Tau.</b>	<b>1m</b>
-Dalam peleraian cerita, telah terbongkar rahsia ini apabila Jennifer berterus-terang bahawa Tau ialah bapa kandung Malique dan Ludin pula turut menjelaskan bahawa Itai ialah adik Malique. Pembaca terkejut/tidak menduga bahawa Malique dan Itai ialah anak kepada Tau.	2m

\*pilih mana-mana 1 isi

**Azfa Hanani****Datuk Tengku Makmur yang melanggar teksi yang dinaiki oleh Azfa Hanani sekeluarga.****1m**

-Setelah Datuk Tengku Makmur menceritakan segala-galanya sewaktu beliau datang mencari Azfa Hanani di kampung, terbongkarlah rahsia yang telah lama tersimpan.Peristiwa kemalangan 16 tahun yang lalu telah meragut nyawa kedua-dua ibu bapa Azfa Hanani. Pembaca terkejut/tidak menduga bahawa Datuk Tengku Makmur yang melanggar teksi tersebut.

2m

**Tengku Muzaffar merupakan dalang yang merosakkan hubungan yang terjalin antara Tengku Murni dengan Ekran.****1m**

-Azfa Hanani telah berjaya membaca rahsia yang terkandung dalam diari Tengku Murni dan mengesan bahawa Tengku Muzaffarlah yang menjadi punca terputusnya perhubungan Ekran dan Tengku Murni. Pembaca terkejut/tidak menduga bahawa Tengku Muzaffar yang menjadi punca keretakan hubungan Ekran dan Tengku Murni.

2m

\*Pilih mana-mana 1 isi sahaja

Jawapan perlu mengandungi isi bagi kedua-dua buah novel.

Terima isi lain yang sesuai.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

MAJLIS PENGETUA.....

MODUL PENINGKATAN PRESTASI SPM  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Peraturan Pemarkahan  
Mei

---

1103/2 (PP)

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi ....halaman bercetak

---

[Lihat halaman sebelah

1103/2(PP)

SULIT

<http://edu.joshuatly.com/>  
[facebook.com/edu.joshuatly](https://facebook.com/edu.joshuatly)